



Negeri Makmur Rakyat Sejahtera

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera. Bismillahir Rahmanir Rahim.

Beta bersyukur ke hadrat Allah s.w.t. kerana dengan limpah kurnia dan rahmat-Nya, Beta sekali lagi dapat bersama-sama rakyat jelata sekaliannya menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan Beta yang ke-66. Sesungguhnya rahmat Allah s.w.t. yang memberikan kesejahteraan dan kegemilangan kepada Beta amatlah Beta syukuri.

Sempena istiadat ini, Beta mengucapkan terima kasih atas ucapan tahniah dan ikrar taat setia yang telah disampaikan oleh Anakanda Raja Muda bagi pihak Raja-Raja Bergelar dan waris-waris negeri dan Mamanda Menteri Besar bagi pihak kerajaan serta rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan. Sesungguhnya acara ini sebagaimana yang telah

Titah Ucapan sempena Istiadat Menyambut Hari Ulang Tahun Keputeraan yang ke-66 di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar, 28hb. Mei 1994.



dilafazkan oleh Mamanda Menteri Besar sebentar tadi adalah acara warisan yang menjadi satu lambang yang mencerminkan ikatan dan hubungan yang mesra di antara Raja Pemerintah dan rakyat, seperti mana yang telah termaktub dalam sistem pemerintahan Raja Berperlembagaan di negara kita. Beta berharap hubungan baik yang wujud dan persefahaman yang sedia ada akan terus berkekalan, malah dipertingkatkan demi kesejahteraan rakyat dan kemakmuran negara.

Beta gembira kerana difahamkan bahawa Negeri Perak Darul Ridzuan terus mencapai tahap kemajuan dan pembangunan yang memberangsangkan. Pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) bagi negeri Perak sebanyak 7.1% pada tahun 1993 menunjukkan satu tahap pembangunan yang membanggakan. Beta difahamkan juga, pertumbuhan yang pesat ini telah berjaya meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup rakyat pada satu peringkat yang memberangsangkan. Beta merakamkan ucapan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Mamanda Menteri Besar dan dengan sokongan para kakitangan awam, pihak swasta dan rakyat jelata telah menunjukkan kesungguhan untuk membangunkan negeri. Tanpa kerjasama yang erat di antara satu sama lain, sudah tentulah kejayaan yang dicapai setakat ini tidak akan dapat direalisasikan.

Beta gembira mendengar beberapa langkah yang akan dilaksanakan dalam usaha memajukan sektor-sektor ekonomi utama yang diusahakan oleh kerajaan Beta. Perubahan ekonomi dunia yang terlalu pesat sudah tentu memerlukan rancangan dan usaha yang teratur bagi memastikan negeri Perak khususnya dan negara Malaysia amnya dapat melibatkan diri bersama-sama mengambil bahagian dalam ekonomi dunia. Beta percaya usaha-usaha yang telah dibuat di peringkat antarabangsa seperti mana yang dinyatakan oleh Mamanda Menteri Besar khususnya mengenai kewujudan Segi Tiga Wilayah Utara akan terus membuka peluang-peluang yang berkenaan.

Beta gembira dengan usaha gigih yang telah dilaksanakan untuk memajukan sektor perindustrian. Usaha-usaha untuk memajukan sektor ini yang bertujuan untuk mengambil peluang kewujudan Lebuhraya



Utara-Selatan adalah satu langkah yang bijak. Ini sudah tentu akan memudahkan aliran keluar barang-barang yang telah diproses di negeri Perak ke kawasan lain di Semenanjung Malaysia dan kedua-dua pelabuhan utama di Pulau Pinang dan Pelabuhan Klang. Di samping itu, projek-projek pembangunan infrastuktur yang sedang giat dijalankan oleh kerajaan Beta sudah tentu akan menambahkan lagi daya tarikan untuk lebih ramai lagi pelabur datang ke negeri Perak. Pembangunan perindustrian seharusnya dapat mewujudkan suatu identiti perindustrian yang khusus bagi negeri Perak berdasarkan sumber-sumber yang ada di negeri ini. Beta gembira apabila dimaklumkan bahawa usaha menarik pelabur akan memberi tumpuan kepada sesuatu jenis industri yang khusus dan berskala besar, yang dalam jangka masa panjang akan menggalakkan pembangunan sektor industri sokongan. Beta percaya usaha ini akan dapat dilaksanakan jika ianya dirancang dan disusuli dengan usaha yang lebih gigih.

Beta juga dimaklumkan bahawa pembangunan sektor pelancongan akan turut dimajukan mamandangkan terdapat banyak produk pelancongan yang boleh dinikmati oleh pelancong yang melawat ke negeri ini.

Dalam usaha memajukan sektor pelancongan, Beta berharap penekanan boleh ditumpukan ke arah memastikan supaya pembangunan yang dilaksanakan tidak akan mendatangkan kesan yang negatif kepada alam sekitar. Malah di kawasan-kawasan tertentu, pembangunan pelancongan perlulah diselaraskan dengan persekitaran yang lebih menarik dan bersih kerana ini akan memberi faedah dalam jangka masa panjang.

Beta ingin menyarankan agar sektor swasta mempercepatkan pembangunan di kawasan-kawasan yang telahpun diberikan kepada mereka di samping menggalakkan lebih banyak pihak melibatkan diri dalam bidang pelancongan.

Usaha yang dibuat untuk meningkatkan produktiviti dan kualiti kakitangan awam adalah amat penting. Keupayaan kakitangan awam untuk kerja-kerja merancang, menyelaras dan melaksanakan program



pembangunan khususnya di peringkat daerah adalah amat penting. Pengalaman yang ada telah menunjukkan bahawa banyak perubahan telah dibuat dan telahpun dapat dinikmati oleh masyarakat di negeri ini.

“...usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kakitangan awam menjadi satu amalan yang berterusan sehingga ke satu tahap yang mencapai tahap kecemerlangan. Beta percaya kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara hanya dapat diwujudkan jika pentadbiran yang ada merupakan sebuah pentadbiran yang cekap, produktif dan berkualiti.”

Dalam hubungan ini, Beta mengucapkan syabas kepada kakitangan awam yang telah berjaya mewujudkan suasana pentadbiran yang lebih cekap, berkesan dan teratur. Beta berharap usaha untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan kakitangan awam menjadi satu amalan yang berterusan sehingga ke satu tahap yang mencapai tahap kecemerlangan. Beta percaya kestabilan dan kemakmuran sesebuah negara hanya dapat diwujudkan jika pentadbiran yang ada merupakan sebuah pentadbiran yang cekap, produktif dan berkualiti.

Selaku Ketua Agama Islam di negeri ini, Beta ingin menyeru supaya umat Islam di negeri ini terus menghayati ajaran dan cara hidup Islam seperti yang termaktub di dalam al-Quran dan sunnah. Seruan ini dibuat kerana akhir-akhir ini telah timbul pandangan dan fahaman yang bercanggah dengan al-Quran dan sunnah, yang jika tidak dibendung akan menyebabkan keruntuhan dan perpecahan di kalangan umat Islam. Islam menuntut supaya umatnya menjadi umat yang dinamik, progresif, berilmu, berpengetahuan tinggi serta berperibadi mulia. Pendedahan ilmu sains dan ilmu-ilmu yang mendatangkan faedah bagi umat Islam selaras dengan ajaran al-Quran dan sunnah haruslah



dipelajari kerana Beta percaya dengan penguasaan ilmu sains sahajalah masyarakat Islam dapat maju dan dapat mengambil peluang kemajuan yang ada di negeri ini.

Kemakmuran dan kesejahteraan yang dinikmati oleh rakyat negeri ini adalah merupakan satu anugerah dan rahmat Allah s.w.t. yang harus kita hargai. Pengalaman di beberapa buah negara menunjukkan jika tidak berwaspada dan sentiasa memikir untuk mewujudkan perpaduan, keadaan ini mungkin boleh bertukar kepada suatu suasana yang tidak menyenangkan.

“ ... pada masa yang aman seperti sekarang, janganlah kita berpuas hati dengan keadaan yang ada tanpa mengambil langkah meningkatkan usaha mewujudkan suasana perpaduan yang akan terus menjadi tonggak kestabilan negara.”

Oleh itu, pada masa yang aman seperti sekarang, janganlah kita berpuas hati dengan keadaan yang ada tanpa mengambil langkah meningkatkan usaha mewujudkan suasana perpaduan yang akan terus menjadi tonggak kestabilan negara. Oleh itu, Beta berharap usaha-usaha terus dibuat dan dipertingkatkan untuk terus menjalinkan hubungan persaudaraan yang erat dan mesra serta meningkatkan persefahaman di antara satu sama lain. Dengan cara ini, segala kekayaan dan keindahan yang wujud di negara ini dapat dibangunkan di samping menikmati faedahnya secara bersama. Di samping itu, Beta berharap rakyat negeri ini dapat menyatakan kesyukuran mereka dengan menghulurkan bantuan moral dan kebendaan kepada rakyat di negara-negara yang mengalami pergolakan dan berdoa agar kedamaian segera dicapai di negara-negara tersebut.

Beta akhiri titah ucapan ini dengan merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Raja-Raja Bergelar dan waris-waris negeri, Mamanda Menteri Besar, Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan, wakil-wakil rakyat, Orang-Orang Besar, semua pegawai serta kakitangan



kerajaan, anggota pasukan keselamatan, sektor swasta, badan-badan sukarela dan seluruh rakyat yang dikasihi atas kegigihan mereka untuk terus berusaha bagi memakmurkan Negeri Perak Darul Ridzuan. Beta berharap semangat kerjasama, hubungan baik dan hubungan silaturahim yang telah terjalin di antara semua pihak ini dapat terus dipertingkatkan demi kesejahteraan dan kemakmuran seluruh rakyat Negeri Perak Darul Ridzuan.

Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

